

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah sisa radioaktif Water Leach Purification (WLP) yang telah dihasilkan oleh Kilang Lynas setakat ini dan berapa banyak yang dijangka akan terhasil untuk sepanjang tempoh hayat operasi Lynas di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini (30 Oktober 2021) operasi Lynas telah menjana sebanyak lebih kurang 906,000 tan metrik residu *Water Leach Purification* (WLP) di mana residu tersebut telah distor sementara dalam Kemudahan Penstoran Sementara (*Residue Storage Facility*, RSF) yang dibina dalam premis Lynas. Penjanaan WLP sehingga tempoh hayat operasi Lynas dianggarkan mampu mencecah sehingga 1.5 juta tan metrik.

Namun selepas 2023, semua proses *cracking* dan *leaching*, dengan izin, akan dijalankan di Australia dan tiada WLP yang akan dihasilkan oleh operasi Lynas di Gebeng.

Sekian, Terima Kasih.